

Headline **FRIM kongsi kejayaan**
 Date **07 Mar 2011**
 MediaTitle **Utusan Malaysia**
 Section **Supplement**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
 Page No **4**
 Article Size **598 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **11,819**
 PRValue **35,457**



FRIM kongsi kejayaan

Oleh LAUPA JUNUS

“KAMI di FRIM mahukan supaya sains diterjemahkan kepada bahan (hasil) yang boleh dikomersial.”

Demikian ungkapan ringkas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod apabila ditanya mengenai keazamannya untuk meneruskan legasi kejayaan institut tersebut.

Beliau berkata, catatan sejarah kejayaan FRIM dalam kajian herba atau hasil hutan jadi bermula sejak 1890-an lagi berdasarkan kepada kerja-kerja awal pentadbir British.

Bagaimanapun, disebabkan banyak data yang diperolehi berdasarkan pandangan daripada masyarakat kampung tidak tepat, mendorong pihaknya membuat pencirian terbaru.

Ringkasnya, FRIM adalah perintis kepada usaha memanfaatkan herba sesuai dengan peranannya memanfaatkan sumber semula jadi dalam hutan.

Selepas 1994, usaha tersebut semakin diperhebatkan dan hasilnya FRIM berjaya mengenal pasti hampir 2,000 spesies hutan yang berjaya dicirikan morfologinya.

Daripada itu, kerja-kerja penyelidikan ke atas 200 ekstrak telah dilaksanakan manakala Pusat Teknologi Herba (HTC) memperoleh status GMP pada 2007.

Beliau juga berkongsi kejayaan FRIM apabila mengadakan kerjasama dengan Institut Teknologi Massachusetts (MIT), Amerika Syarikat untuk menghasilkan kapsul tongkat ali pada awal 1990-an.

Malah, tongkat ali yang dianggap memelopori kejayaan industri herba tempatan amat popular selain disifatkan lebih hebat berbanding Viagra dan ginseng ketika itu.

Dengan catatan sejarah gemilang itu, FRIM kata beliau, mengambil beberapa pendekatan dalam usaha menjadikan industri herba lebih diberi nilai tambah.

Sebagai contoh, antara pendekatannya ialah memperkenalkan usaha penanaman secara besar-besaran daripada hutan ke ladang dalam bentuk tanaman atas tanah atau



BETRIM dan Trimmeal merupakan produk nutraseutikal untuk kawal berat badan.

kultur tisue.

Ini termasuk herba berdaun seperti kacip fatimah dan misai kucing.

“Bagi yang berasaskan akar seperti tongkat ali, penggunaan bioreaktor diperlukan untuk mengandakan sebatian aktif dari sumber berkenaan,” ujarnya.

Pada masa sama, FRIM mahu orang ramai memperoleh manfaat daripada hasil penemuan saintis institut tersebut.

Ini secara tidak langsung menyemarakkan industri kampung apabila petani dapat menanam tanaman herba dan menghasilkan produk.

Beliau menambah, makmal FRIM juga menempa sejarah baru apabila diberi status BioNexus oleh Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) pada tahun lepas.

Ini memberi kejayaan terbaru kepada agensi berkenaan kerana mendapat pengiktirafan sebagai sumber rujukan.

Namun bagi Abd. Latif, apa yang beliau mahukan ialah *tagline* FRIM berubah kepada menghasilkan produk berkualiti dan dapat dipasarkan ke luar negara.

Mengenai usaha ini, beliau berkongsi kejayaan produk Nu-Prep® itu dihasilkan oleh syarikat Phytes Biotech Sdn. Bhd. iaitu syarikat terbitan (*spin-off*) daripada program Malaysia -Massachusetts Institute of Technology Biotechnology Partnership programme (MMBPP) yang diasaskan oleh bekas Pengarah Bahagian Tumbuhan Ubatan FRIM, Allahyarham Dr. Azizol Abdul Kadir.

Produk tongkat ali itu berjaya menebusi pasaran antarabangsa ke Amerika Syarikat, Jepun, dan Korea. Kini syarikat tersebut telah diambilalih oleh Biotropics Malaysia Sdn Bhd.

Dengan simpanan 200 ekstrak, 30 daripadanya boleh diketengahkan, maka sudah tentu pengusaha boleh memanfaatkannya.

“Daripada 200 ini, kita mahu menghasilkan lebih banyak produk,” kata beliau.

Pada masa sama, FRIM kata beliau, akan bekerjasama dengan sebuah kolej perbuatan di Melaka untuk menggunakan ekstrak piawai tersebut sebagai bahan ujian klinikal pesakit.

Headline **FRIM kongsi kejayaan**
Date **07 Mar 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **4**
Article Size **598 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,819**
PRValue **35,457**

Syarikat bimbingan FRIM di bawah Program FMBIOSIS

- Uni Bio Plants Sdn. Bhd. - Muhammad Malik Mapat Abdullah dan Nazatul Syaima Ismail.
- Phytotech Sdn. Bhd. - Mohd Fairudzaki Abdul Rani dan Roxhana Omar.
- Nature Profusion Sdn. Bhd. - Mohd. Ramdan Parman dan Wan Sabariah Shuib.
- Xtract Tech Sdn. Bhd. - Mohammad Edziani Rosali
- Ligni-Energy Sdn. Bhd. - Khairul Firdaus Mustafa dan Marlia Alias.
- Bio-Nature Formula Sdn. Bhd. - Jurina Anwar dan Dayang Filidia Abang Ahmad Bolhassan
- Poly-Xtract Sdn. Bhd. - Ahmad Karimi Mustaffha dan Siti Fatimah Elias.
- AgriClone Tech Sdn. Bhd. - Nadia Hashim
- Triangle Biotech Sdn. Bhd. - Ahmad Firdaus Ab Hadi dan Mohd. Khairul Anuar Mohd. Nazir.
- Diabetic Cure Sdn. Bhd. - Jacklin Ilihan ak Bernabas Baie.

FRIM sepintas lalu

- Antara institusi terulung dalam penyelidikan perhutanan tropika, dalam dan luar negara.
- Diasaskan oleh seorang saintis perhutanan berbangsa British pada tahun 1929, FRIM yang dahulunya dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan (IPP) merupakan institusi penyelidikan perhutanan terawal di negara ini.
- Dr. W. Foxworthy sebagai ketua pegawai penyelidikannya yang pertama.
- FRIM kemudiannya menjadi sebuah badan berkanun di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia pada tahun 1985 dan diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Utama sebelum berpindah ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2004.
- Terletak di Kepong sejauh 16 kilometer barat laut Kuala Lumpur dengan keluasan 600 hektar, ia di kelilingi oleh Hutan Simpan Bukit Lagong. (Institut ini juga telah dinobatkan sebagai mempunyai sistem pengurusan yang berkualiti MS ISO 9001:2000).
- Menggalakkan pengurusan secara berkekalan.
- Terdapat lima bahagian penyelidikan di FRIM. Bahagian Perhutanan menyediakan data, standard dan garis panduan untuk mengurus hutan asli secara berkekalan. Bahagian Pembangunan Produk pula bertumpu kepada perkembangan industri perhutanan, manakala Bahagian Bioteknologi bertanggung jawab untuk menghasilkan bahan tanaman baru melalui kejuruteraan genetik.

Antara produk yang dihasilkan oleh Bahagian Hasil Semulajadi FRIM

- Ekstrak piawai antioksidan (Guavyn, Osteen dan Nexes) daripada daun jambu batu, manggis dan kadok iaitu
- Produk penjagaan kulit (antioksidan Styn)
- Barangan penjagaan kulit (antioksidan Beaute)
- Cartilac dan Avonys daripada kadok
- Joystyn yang diperolehi daripada jus manggis
- Ekstrak piawai kesum.
- Penjagaan diri daripada serai wangi .
- Penyembur nyamuk dari minyak pati
- Betrim dan Trimmeal produk nutraseutikal untuk kawal berat badan
- Produk untuk menurunkan paras kolesterol.
- NU-Prep kapsul tongkat ali.